

23/11/2003

Dokumen Negara Islam Pas ciplak, makan diri

Syed Akbar Ali

AKHIR sekali dokumen Negara Islam Pas menjelma. Pas mengambil dua tahun untuk menyediakan dokumen setebal 53 halaman saja. Kata aluan presiden parti saja yang bermula di halaman 11 memenuhi empat muka. Maka dokumen yang tinggal hanya 38 muka saja. Ini bermaksud pada puratanya Pas mengambil tempoh satu bulan untuk menyiapkan 1.5 halaman. Tetapi apabila dibaca dokumen itu terdapat banyak kesilapan dan lojik yang bercanggah yang menunjukkan dokumen ini dibuat secara tergesa mungkin dalam masa dua minggu saja.

Selain daripada kesilapan yang nyata dokumen Pas ini menciplak beberapa perenggan daripada Perlembagaan Negara, meminjam daripada pemikiran Tun Dr Mahathir, mengulangi dasar kerajaan sekarang, mengulangi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan menurunkan hujah untuk mengisi kekosongan kertas putih. Dokumen Pas ini adalah gimik politik semata-mata.

Pas merujuk Surah 4:65 (hal. 13) yang berkata bahawa manusia: "tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau (Nabi) hakim dalam mana mana perselisihan yang timbul di antara mereka."

Memang paling mudah bagi Nabi menghukum antara manusia kerana baginda berpandukan al-Quran. Firman Allah amat jelas:

"Sesungguhnya Kami menurunkan kitab kepadamu dengan kebenaran supaya kamu menghukum di antara manusia dengan apa yang Allah memperlihatkan kepada kamu dan janganlah kamu menjadi orang yang khianat, penentang". Surah 4:105.

Masalahnya ialah parti politik seperti Pas menghukum antara orang mengikut selera dan nafsu mereka sendiri. Contohnya undang undang Pas menetapkan sebagai baik dan halal untuk meliwat isteri. Kita bersyukur bahawa al-Quran lebih jelas.

"(Haid) itu kotoran maka jauhilah wanita dalam haid dan jangan kamu mendekati mereka sehingga mereka suci. Apabila mereka suci maka datangilah mereka bagaimana Allah telah memerintahkan kamu (`amaara kumullaah')...Surah 2:222.

Cara yang ditetapkan Allah ialah bagi lelaki mendekati isterinya yang suci daripada haid untuk mendapat zuriat dan tujuan kelamin. Dubur pula adalah saluran najis yang bukan sebahagian daripada sistem pembiakan manusia (reproductive system). Sebarang `hukum yang bercanggah dengan Kitab Allah adalah penentangan dan khianat terhadap wahyu Allah.

Mengikut dokumen mereka, Perlembagaan parti Pas tidak mempunyai peruntukan untuk menubuhkan sebuah negara Islam. Pas menghuraikan Fasal 5, cerai (i) dan (ii) Perlembagaan parti yang hanya sebut untuk mewujudkan "sebuah masyarakat dan pemerintahan yang mengamalkan nilai nilai hidup Islam dan `hukum hukumnya menuju keredaan Allah" (hal. 16).

Untuk mengelakkan kekeliruan, Pas perlu meminda Perlembagaan parti untuk merangkumi "Negara Islam" dengan jelas seperti tersebut dalam dokumennya.

Di muka yang sama Pas berkata konsep negara Islam mereka akur "tuntutan reality dan sensitivity masyarakat berbilang agama, etnik dan budaya di negara ini". Negara Islam Pas juga akan "konsisten dalam memelihara amalan dan etika demokrasi berparlimen sebagai pendekatan terbaik untuk merealisasikan cita-cita, visi dan misi perjuangan parti politik ini".

Dan di halaman 24, Pas berkata "orang bukan Islam akan terus menikmati kebebasan beragama dan mengamalkan cara hidup mereka". Seterusnya Pas berkata "keadilan dari perspektif Islam tidaklah sama dengan pemahaman umum iaitu persamaan (equality) atau sama bahagi (fairness). (Keadilan)

bermaksud meletakkan sesuatu itu kena pada tempatnya" (hal 38). Sebenarnya Pas meniplak idea ini daripada Dasar Ekonomi Baru yang berkata bahawa layanan sama rata kepada pelbagai kaum yang berada dalam jurang perbezaan menimbulkan ketidakadilan (Equal treatment of people in unequal circumstances leads to inequality).

Maka, cara yang lebih mudah bagi Pas menubuhkan Negara Islam ialah untuk Pas menukar namanya menjadi "UMNO Terbaru" atau sebagainya kerana tidak ada beza antara impian yang baru dapat terpijak oleh Pas dan amalan yang telah wujud dalam negara ini selama 46 tahun.

Pas mengulangi lagi bahawa "Negara Islam adalah berteraskan `hukum Allah yang bersifat ar-Rahman dan ar-Rahim. Dengan itu mustahil undang-undang yang dilaksanakan itu akan berlaku kezaliman" (hal. 18).

Maka amat mustahak bagi kita berteraskan `hukum Maha Suci Allah. Al Quran mengajar kita mendekati isteri mengikut cara baik yang ditetapkan Allah. Pas pula kata ia baik untuk meliwat isteri. Apabila pemimpin Pas ditangkap sebilik dengan isteri orang beliau boleh terlepas atas alasan teknikal. Apabila orang lain dihukum mahkamah atas kesalahan meliwat dan menzalimi orang Pas berpenat lelah mendukungnya diatas bahu. Apabila Pas terbabit dalam mengurus Tabung Memali, janda Memali mendakwa tabung itu sudah bocor. Makhluk celupar yang mencarut pula disanjung tinggi. Kemudian sanggup pula menyeru syaitan untuk menangi pilihan raya. Sesiapa yang sudah lupa perkara ini semua harus diingatnya semula.

Mengenai pembangunan negara pula dokumen Negara Islam Pas berkata "Syariat Islam menjadi pegangan utama pemerintah dalam menjalankan segala aktiviti pembangunan negara".

Sesiapa pun tidak boleh menafikan hakikat ini. Maka kerajaan Islam perlu menyediakan air minuman yang bersih kepada umat. Rakyat Kelantan masih tidak mempunyai air minum yang bersih walaupun 10 tahun diperintah Pas. Dan penulis masih terasa jijik daripada bau dan kotoran warung dan kawasan sekitar Pasar Besar Siti Khadijah di Kota Bharu. Tetapi bencana yang lebih besar ialah penghijrahan lebih 300,000 rakyat Kelantan yang terpaksa lari daripada Kelantan untuk mengecapi nikmat pembangunan di negeri lain.

Pas juga bercakap mengenai negara yang bertakwa. Mengikut dokumen Pas itu "Dengan bertakwa maka berbagai perkara positif akan berlaku seperti yang dijanjikan Allah dalam al-Quran antaranya bantuan Allah untuk menyelesaikan masalah yang timbul disamping kekayaan yang melimpah ruah" (hal. 23).

Rupanya Pas bertujuan untuk mendapatkan "kekayaan yang melimpah ruah" menerusi takwa mereka. Kemudian pada halaman 32 Pas mendefinisikan takwa sebagai "mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya". Sekali lagi definisi Pas ini lebih mengikut selera Pas sendiri.

Memang takwa akan membawa limpahan kurnia Allah termasuk rezeki yang baik dan penghidupan yang mudah tetapi takwa itu tidak semestinya terbabit dengan `kekayaan yang melimpah ruah'. Al-Quran juga mendefinisikan takwa dengan lebih jelas daripada fahaman Pas. Sila lihat Surah 2:177:

"Bukanlah kebaikan bahawa kamu hadapkan mukamu arah ke timur dan ke barat tetapi yang kebaikan itu ialah orang beriman kepada Allah, hari yang kemudian, malaikat, Kitab Kitab dan Nabi Nabi, dan memberikan harta yang dikasihinya kepada karib kerabatnya, anak yatim, orang miskin, orang yang berjalan, orang yang meminta dan untuk memerdekakan hamba sahaya, serta menegakkan solat, memberikan zakat, menepati janji bila ia berjanji dan berhati sabar atas kemiskinan, kemelaratan dan ketika peperangan. Mereka itulah orang yang benar dan mereka itulah orang yang takwa".

Jelas bahawa definisi takwa dalam Kitab Allah jauh lebih panjang dan jelas daripada fahaman Pas yang amat singkat dan simple. Tetapi perkara yang lebih mustahak ialah apakah PAS mampu menunaikan semua kehendak ketakwaan yang dituntut ayat ini ? Janda Memali mendakwa tabung mereka

sudah bocor. Kita tidak mempunyai sebarang pengesahan daripada puak Taliban mengenai jumlah duit Tabung Afghanistan yang telah sampai ke tangan mereka.

Jika Pas ingin mendapatkan "kekayaan yang melimpah ruah" caranya ialah berusaha dengan halal dan bersungguh.

"Sesungguhnya dengan kesulitan itu kemudahan. Maka apabila kamu telah selesai maka kerja keraslah kamu. Dan berharaplah kamu kepada Tuhanmu". Surah 94 : 6-8.

Kemudian rujukan Surah Maaidah ayat 8 (hal. 36) mempunyai kesilapan bahasa Arab. Ini membuktikan dokumen ini disiapkan dengan tergesa-gesa oleh orang malas tanpa cermat dan teliti. Di tempat lain Pas menurukan ayat Quran yang tidak ada kaitan dengan perbincangan. Contohnya Pas berkata "penduduk bukan Islam diberi pilihan sama ada hendak menerima `hukum (hudud, qisas dan ta'zir) tersebut atau Common Law".

Mereka berpendapat demikian kerana salah faham Surah al Maaidah ayat 42 yang berkata "Oleh itu kalau mereka `datang kepada kamu, maka hukumlah di antara mereka atau berpalinglah dari mereka..".

Pendekatan Pas ini tidak jelas dan bakal menimbulkan masalah. Contohnya sekiranya tidak terencat akal, orang bukan Islam yang berzina dengan orang Islam akan memilih Common Law yang tidak menghukum salah perbuatan zina. Pasangan Islamnya pula akan direjam sampai mati. Gabungan perompak dua orang Islam dan tiga orang bukan Islam yang melakukan rompakan ganas terbaru di Kuala Lumpur akan dikenakan keadilan yang berlainan. Perompak Islam akan dipotong tangan tetapi yang bukan Islam mungkin dipenjarakan saja. Apakah ini keadilan yang dijamin oleh Pas?

Masalahnya ialah Pas malas membaca Surah al-Maaidah dengan teliti. Rangkaian ayat 41 hingga 47 menceritakan mengenai orang Yahudi yang semuanya diwajibkan menerima `hukum Allah saja. Nabi boleh memilih tidak mahu menghukum antara mereka kerana orang Yahudi sudah pun mendukung kitab Taurat yang juga mengandungi `hukum Allah. Pas patut teliti ayat seterusnya:

"Bagaimanakah mereka (Yahudi) mengangkat kamu menjadi hakim padahal di sisi mereka ada Taurat yang di dalamnya `hukum Allah (fii haa hukmullaah) kemudian mereka berpaling dari itu dan mereka bukanlah orang yang beriman" Surah Al Maaidah 43.

Taurat orang Yahudi membawa `hukum Allah. Hanya `hukum Allah yang menjamin keadilan untuk semua manusia tanpa mengira agama atau bangsa. Tidak ada manusia yang patut terkecuali daripada `hukum Allah.

Dokumen Pas juga mempunyai percanggahan yang mendedahkan hipokrasi mereka. Dalam bab al Hurriyyah atau kebebasan (hal. 39) Pas senaraikan tujuh jenis kebebasan yang akan dijamin oleh negara Islam Pas. Kebebasan yang pertama ialah `kebebasan akidah'.

Pas perlu jelaskan jika mereka bermaksud untuk memanjangkan kebebasan akidah ini kepada kumpulan tertentu dalam negara kita yang telah pun digelar sebagai tersesat akidah. Contohnya ialah kumpulan seperti Ajaran Ayah Pin, Tarekat Ibrahim Bonjol, Syiah, Qadiani, Tarekat Naqsyabandiah, Tarekat Bahtera Nabi Noh dan Tarekat Wali Songgo yang semua menuntut kebebasan untuk mengikut akidah yang lain daripada Pas.

Kalau benar, Pas perlu jelaskan kenapa mereka telah menjatuhkan hukuman penjara ke atas ahli ajaran Ayah Pin di Terengganu apabila mereka menuntut kebebasan mengikut akidah lain? Kalau Pas tidak bertujuan untuk membenarkan kebebasan ini mereka perlu menarik balik sebahagian daripada bab al Hurriyyah itu.

Inilah sebahagian daripada kesilapan, kekeliruan dan hakcipta ciplak yang menjadi dokumen Negara Islam Pas. Pas sedar akan kelemahan ini dan sedang mengawal ketat sebaran dokumen ini supaya tidak terlalu ramai orang membacanya. Ini adalah kerana dokumen ini menjadi gimik politik semata

mata dan Pas akan menghilangkannya daripada ingatan umum dalam masa yang tersingkat.